

Tajuk : Galak Graduan Ceburi Keusahawanan

Galak graduan ceburi keusahawanan

FENNY SILONG

KOTA SAMARAHAN, Rabu - Para graduan digalakkan menceburi bidang keusahawanan selain menguasai pelbagai kemahiran dan penglibatan aktif dalam kurikulum serta kerohanian.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Mohd Fadzil Abdul Rahman berkata, terdapat graduan kecewa selepas bergarduat kerana mereka menghadapi masalah mendapatkan pekerjaan malah agensi majikan menuduh institusi awam gagal melatih para graduan.

"Kerjaya graduan selepas menamatkan pengajian adalah isu penting dan kritikal di seluruh Malaysia kerana peluang pekerjaan terlalu kurang berbanding jumlah graduan sentiasa meningkat setiap tahun," katanya.

Beliau menambah, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menjadikan isu ini sebagai Projek Agenda Kritis yang diberi perhatian serius oleh kerajaan.

"Dalam usaha mengurangkan masalah pengangguran maka, pelbagai program keusaha-wanan dijalankan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk menjinak-jinakkan para graduan dalam bidang itu dan mewujudkan kreativiti mene-rusi perniagaan secara kecilan," jelasnya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Karnival K4U yang menggabungkan empat jenis bidang iaitu Kerjaya, Keusahawanan, Ko-kurikulum dan Kerohanian di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), hari ini.

Mohd Fadzil berkata, karnival ini merupakan landasan terbaik untuk mendekatkan hubungan antara komuniti dengan KPT dan Unimas khususnya menerusi program bersifat se-masa.

Karnival ini berlangsung selama empat hari bermula 28 November hingga 1 Disember 2012 dengan pengisian aktiviti



LAWATAN ... Dekan Pusat Pemajuan Pelajar, Prof Madya Dr. Rusli Ahmad mengiringi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Mohd Fadzil Abdul Rahman (tengah) ketika melawat pameran Karnival K4U di Unimas, semalam.

seperti pameran, jualan, sesi temuduga terbuka, pemeriksaan kesihatan percuma dan seba-

gainya. Untuk keterangan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Dekan Pusat Pemajuan Pelajar,

Prof Madya Dr. Rusli Ahmad di talian 082-581839 atau emai kepada arusli@-ppp.unimas.my.